


## *UUM Lahirkan Wartawan Sekolah*

**ALOR STAR** -- Seramai 70 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mergong, Alor Star, menyertai bengkel wartawan selama dua hari di sekolah itu, baru-baru ini. Guru Multimedia sekolah itu, Adi Lukman Saad berkata, bengkel diadakan bagi melahirkan wartawan di sekolahnya.

Pelbagai aktiviti dijalankan oleh persatuan unit kokurikulum, persatuan bahasa, multimedia dan kelab, tetapi aspek pendokumentasiannya kurang menarik. Oleh itu, dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan Pelajar, Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Unit Komunikasi Korporat Kampus UUM, bengkel dirancang pelaksanaannya.

Menurut Adi Lukman lagi, walaupun pelajar mempunyai kamera, cara pengendalian dan merakamkan gambar yang menarik untuk diabadikan dalam buletin kurang menarik. Oleh itu, dengan kerjasama dan bimbingan Wartawan Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat UUM dan DPP, program ini mampu membimbing pelajar tentang teknik yang betul.

*Muhammad Saniy*



*Peserta bengkel menyiapkan kerja penerbitan buletin.*